

5 JAN 1996

Chretien - Lawatan

LAWATAN PM KANADA BUKA DIMENSI BARU DALAM HUBUNGAN DUA HALA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Kanada Jean Chretien ke Malaysia lewat bulan ini akan membuka dimensi baru dalam hubungan dua hala berdasarkan kepada perkongsian jangka panjang.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada John P.Bell hari ini berkata perkongsian itu akan dibina di atas hubungan yang terjalin sekian lama antara Kuala Lumpur-Ottawa dan rekod kerjasama yang teguh antara kedua-dua negara dalam Komanwel, Bangsa-bangsa Bersatu, forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan dialog ASEAN.

"Lawatan itu akan mewujudkan satu tahap baru persahabatan yang mengiktiraf perkongsian sama rata kita dalam beberapa bidang untuk faedah bersama," kata Bell pada persidangan berita di sini sempena lawatan rasmi dua hari Chretien ke Malaysia mulai 18 Jan.

Rombongan Perdana Menteri Kanada itu yang digelar sebagai "Pasukan Kanada" akan terdiri daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa Roy MacLaren, Setiausaha Negara bagi Asia Pasifik Raymond Chan, sembilan ketua dan pemimpin wilayah dan lebih 300 ahli perniagaan serta ketua-ketua institusi pendidikan.

Misi "Pasukan Kanada" dari 8 hingga 20 Jan merupakan yang kedua ke Asia bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan selepas lawatan ke China pada 1994. Selain Malaysia, mereka juga akan melawat India, Pakistan dan Indonesia.

Misi itu bertujuan memperkukuh dan memperluaskan hubungan perniagaan antara Kanada dan empat negara berkenaan dan akan tertumpu kepada pengangkutan, tenaga, pertanian-makanan, perkhidmatan kewangan, alam sekitar, pendidikan dan teknologi maklumat serta perkhidmatan telekomunikasi.

Misi pertama "Pasukan Kanada" itu ke China pada November 1994 menghasilkan kontrak dan perjanjian lain yang dianggarkan berjumlah C\$8,600 juta (RM11,700 juta).

Lawatan itu akan menjadi lawatan pertama bagi Chretien ke Malaysia. Pierre Trudeau adalah Perdana Menteri Kanada yang terakhir melawat Malaysia pada 1972.

Dengan tema "Bersama-sama Membina Asia Moden", Bell berkata lawatan Chretien menjadi peluang yang unik untuk menyempurnakan banyak perkara yang telah dibincangkan oleh kedua-dua kerajaan sejak beberapa tahun lepas.

Beliau berkata tiga perjanjian -- Perkhidmatan Udara antara Penerbangan Malaysia (MAS) dan Canadian Airlines International Limited, kerjasama pendidikan tinggi dan mengenai Kerjasama Perhutanan -- akan ditandatangani semasa lawatan itu.

Perjanjian perkhidmatan udara itu akan membolehkan penerbangan terus antara KL dan Vancouver manakala perjanjian kerjasama pendidikan tinggi akan memudahkan perhubungan antara institusi pendidikan kedua-dua negara.

Selain itu, 35 kontrak, surat hasrat dan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam beberapa bidang bernilai lebih RM1,000 juta juga akan ditandatangani, kata Bell.

"Peluang untuk perhubungan perdagangan bukan sahaja didapati dalam sektor tradisional pertanian-makanan, minyak dan gas serta teknologi moden, malahan dalam bidang-bidang baru seperti pendidikan, pengangkutan, tenaga dan pembinaan," katanya. Kanada menduduki senarai ke-13 di kalangan pelabur asing di Malaysia.

Dalam bidang pendidikan, Bell berkata Kanada berharap dapat

memperkukuhkan hubungan sedia ada dan menerokai peluang bagi mempertingkatkan kerjasama termasuk program-program kembar, kampus cawangan di Malaysia, projek penyelidikan bersama dan program kerjasama pelajar.

Semasa di sini Chretien akan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan Dialog Pemimpin Perniagaan Kanada-Malaysia yang Pertama dan melawat projek LRT serta projek Kuala Lumpur City Centre.

-- BERNAMA